



KESALAHAN-KESALAHAN SEKSUALITI DALAM ENAKMEN JENAYAH SYARIAH (1995) SELANGOR

LATAR BELAKANG

Syariat Islam telah menggariskan perkara yang perlu di jauhi dan tidak boleh dilakukan oleh setiap individu demi menjaga keluhuran nasab keturunan. Perbuatan yang dianggap sebagai satu kesalahan yang boleh merosakkan nasab telah diperuntukkan misalnya, di dalam Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995, Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997, Enakmen Jenayah Syariah (Perak) 1992, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Melaka) 1991, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995 & Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pulau Pinang) 1996 dan lain-lain negeri. Tindakan yang diambil oleh badan perundangan dengan menggubal kesalahan-kesalahan tersebut adalah bertepatan dengan prinsip Maqasid al-Syariah dan tuntutan menjaga keturunan.

Persekutuan mempunyai kuasa membuat dan mengkanunkan kesalahan yang boleh membawa kepada hukuman bunuh dan statut utama jenayah adalah Kanun Keseksaan yang terpakai kepada semua. Manakala bidang kuasa bagi negeri pula, adalah terhad setakat kesalahan yang diperuntukkan di bawah Enakmen Jenayah Syariah dan terpakai kepada orang Islam sahaja. Situasi ini menjadikan orang Islam itu terikat di bawah dua set undang-undang jenayah yang berbeza iaitu Kanun Keseksaan dan Enakmen Jenayah Syariah Negeri bagi undang-undang negeri.

Untuk pengetahuan anda, kesalahan-kesalahan yang berbentuk seksualiti ini merupakan kesalahan yang amat popular sekali dan memegang 'carta teratas' bagi statistik statistik kesalahan jenayah syariah yang dikuatkuasakan bagi negeri-negeri. Scenario ini tidak memberikan indikator yang baik dalam pembentukan masyarakat moden yang bertatasusila dan bebas daripada perilaku sumbang. Oleh itu, menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memastikan masyarakat sentiasa mengamalkan ajaran Islam yang sebenar.

Bagi merealisasikan keperluan dan tuntutan syariat, DUN telah mengkanunkan beberapa kesalahan seksualiti, antaranya:

KESALAHAN SEKSUALITI DALAM ENAKMEN JENAYAH SYARIAH

ENAKMEN JENAYAH SYARIAH (1995) SELANGOR



1 KHALWAT

Khalwat adalah perbuatan yang dilakukan oleh dua orang yang berlawanan jenis atau lebih, tanpa ikatan perkahwinan yang sah atau bukan mahram pada tempat tertentu yang sunyi yang pada akhirnya boleh membuka peluang terjadi perbuatan seksual atau yang berbentuk perzinaan.



2 PERSETUBUHAN LUAR NIKAH

Zina bermaksud perhubungan seksual antara lelaki dan perempuan di luar ikatan perkahwinan yang sah. Istilah zina diguna pakai bagi hubungan seksual yang dilakukan oleh orang yang belum berkahwin dan juga mereka yang sudah berkahwin dan ianya hendaklah berlakunya penetration iaitu memasukan zakar lelaki ke dalam faraj seorang perempuan jika ingin mensabitkan kesalahan zina.




3 SUMBANG MAHRAM

Sumbang mahram merupakan suatu pelakuan seksual iaitu perzinaan yang berlaku antara lelaki dan perempuan yang dia dipercayai bahawa pasangannya itu mempunyai hubungan yang dilarang (mahram) untuk berkahwin dalam Islam. Menurut fuqaha, pengharaman ini bukan disebabkan nasab keturunan sahaja, tetapi boleh melalui persemendaan dan penyusuan.



4 PELACURAN

Melacur bermaksud perihal mencari nafkah dengan melibatkan diri dengan perhubungan kelamin secara haram. Pelacuran bermaksud seseorang yang menawarkan diri untuk pelakuan seks haram dengan tujuan untuk mendapatkan bayaran daripada perkhidmatan tersebut.



5 MUKADIMAH ZINA

Semua perbuatan maksiat yang boleh membawa kepada melakukan zina yang dilarang dalam Islam dan boleh dihukum bergantung kepada tahap keseriusannya. Antara contoh perbuatan yang boleh dikategorikan sebagai kesalahan di bawahnya termasuklah lelaki dan perempuan tidur bersama di atas katil, bercumbucumbuan, berpelukan dan sebagainya.



6 LIWAT & MUSAHAQAH

Liwat bermaksud melakukan persetubuhan di dubur, sama ada di dubur lelaki mahupun di dubur perempuan. Musahaqah pula iaitu melakukan sesuatu perbuatan untuk memuaskan nafsu seks di antara perempuan dengan perempuan, dengan menggeselkan kemaluan mereka berdua hingga mendatangkan berahi dan merasa kelazatan.